



e-ISSN: 2600-9617

Available online at
<https://journal.uitm.edu.my/ojs/index.php/e-JITU/index>

E-Journal of Islamic Thought & Understanding 9(1) 2026, 110-120

**E-Journal of
Islamic Thought
& Understanding
(E-JITU)**

Challenges in Implementing Tazkiyah al-Nafs Elements in the Teaching and Learning Process among SBP TMUA Teachers: A Teachers' Perspective

Cabaran Penerapan Elemen Tazkiyah Al-Nafs Dalam Proses Pengajaran
dan Pembelajaran Guru Sekolah Berasrama Penuh TMUA: Perspektif Guru

Nurul Huda Binti Abdul Rahim¹, Izzah Nur Aida Zur Raffar^{2*}, Nang Naemah
Binti Nik Dahalan³

^{1,2,3} *Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka
78000, Alor Gajah, Melaka*

ARTICLE INFO

Article history:

Received 26 Jan 2026

Revised 5 Mar 2026

Accepted 9 Mar 2026

Published 1 Apr 2026

Keywords:

Cabaran

Tazkiyah al-Nafs

PdP Guru

Pelajar Tahfiz

SBP TMUA

DOI:

<https://doi.org/10.24191/heqdn22>

ABSTRACT

The implementation of the Tazkiyah al-Nafs element in the teaching and learning of tahfiz students is important to form a balanced student personality from spiritual, emotional and intellectual aspects. However, its integration into daily teaching faces various challenges, especially in the context of Ulul Albab Model Tahfiz Full Boarding School (SBP TMUA) which demands academic excellence and Quran memorization simultaneously. This study aims to explore the challenges of teachers in implementing the Tazkiyah al-Nafs element through a qualitative approach with a case study design. Semi-structured interviews involving six teachers from SMAP Bentong, SBPI Rawang, SBP Selandar and SBP Batu Rakit were analyzed using thematic analysis. Findings showed that the main challenges included time constraints, pressure on academic achievement and memorization, teachers' understanding of the practical application of Tazkiyah al-Nafs and the diversity of students' backgrounds. This study provides specific implications for the professional development needs of tahfiz teachers through pedagogical training focused on Tazkiyah al-Nafs as well as structuring a more balanced and holistic PdP strategy in line with the educational goals of TMU

^{2*}Corresponding author. *E-mail address:* izzahnur@uitm.edu.my

ABSTRAK

Pelaksanaan elemen *Tazkiyah al-Nafs* dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) pelajar tahfiz adalah penting untuk membentuk personaliti pelajar yang seimbang dari aspek rohani, emosi dan intelektual. Walau bagaimanapun, pengintegrasiannya ke dalam PdP harian menghadapi pelbagai cabaran, terutamanya dalam konteks Sekolah Berasrama Penuh Tahfiz Model Ulul Albab (SBP TMUA) yang menuntut kecemerlangan akademik dan hafalan al-Quran secara serentak. Kajian ini bertujuan untuk meneroka cabaran guru dalam menerapkan elemen *Tazkiyah al-Nafs* melalui pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Temu bual separa berstruktur yang melibatkan enam orang guru daripada SMAP Bentong, SBPI Rawang, SBP Selandar dan SBP Batu Rakit dianalisis menggunakan analisis tematik. Dapatan menunjukkan bahawa cabaran utama termasuk kekangan masa, tekanan terhadap pencapaian akademik dan hafalan, pemahaman guru tentang aplikasi praktikal *Tazkiyah al-Nafs* serta kepelbagaian latar belakang pelajar. Kajian ini memberikan implikasi khusus terhadap keperluan pembangunan profesional guru tahfiz melalui latihan pedagogi yang tertumpu kepada *Tazkiyah al-Nafs* serta menstrukturkan strategi PdP yang lebih seimbang dan holistik selaras dengan matlamat pendidikan TMUA.

1. PENDAHULUAN

Penyucian jiwa atau *Tazkiyah al-Nafs* merupakan konsep teras dalam pendidikan Islam yang menekankan proses pembersihan diri daripada sifat-sifat tercela dan menghayati sifat-sifat terpuji ke arah kesempurnaan rohani. Secara konseptual, *Tazkiyah al-Nafs* melibatkan proses *takhalli* dan *tahalli* seperti yang digambarkan oleh para sarjana klasik seperti Imam al-Ghazali, merangkumi dimensi akidah, ibadah, akhlak dan psikologi sebagai asas pembentukan keperibadian Muslim yang seimbang (Che Zarrina & Azlinah, 2016; Nur Sayfudin, 2018; Mutholingha & Zain, 2021). Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian terdahulu tertumpu kepada perbincangan *Tazkiyah al-Nafs* pada peringkat konseptual dan normatif, tanpa menjelaskan secara mendalam bagaimana elemen ini diaplikasikan secara praktikal dalam proses pengajaran dan pembelajaran harian, terutamanya dalam konteks pendidikan tahfiz berasrama penuh yang mempunyai tuntutan akademik dan hafalan yang tinggi.

Dalam konteks pendidikan Islam, *Tazkiyah al-Nafs* diiktiraf sebagai tonggak pembangunan sahsiah dan kesejahteraan pelajar, selaras dengan matlamat pendidikan holistik yang menekankan keseimbangan fizikal, emosi, rohani dan intelektual (JERI) dan berlandaskan al-Quran sebagai sumber ilmu (Norazri, 2015; Zetty Nurzuliana, 2016; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Walau bagaimanapun, kajian sedia ada masih kurang memberi perhatian kepada pengalaman sebenar guru dalam melaksanakan elemen *Tazkiyah al-Nafs* dalam PdP tahfiz, termasuk cabaran pelaksanaan, pemahaman guru tentang aplikasi praktikal dan strategi pedagogi yang digunakan dalam persekitaran Sekolah Berasrama Penuh Tahfiz Model Ulul Albab (SBP TMUA). Jurang ini menunjukkan bahawa aspek aplikasi kontekstual, cabaran pelaksanaan dan peranan guru sebagai pembimbing rohani masih belum diterokai secara empirikal dan mendalam, terutamanya melalui pendekatan kualitatif.

Dalam hal ini, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang literatur dengan meneroka secara khusus cabaran guru dalam melaksanakan elemen *Tazkiyah al-Nafs* dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar tahfiz SBP TMUA, sekali gus menyumbang kepada pemahaman yang lebih jelas tentang keperluan latihan profesional guru berdasarkan amalan *Tazkiyah al-Nafs* serta pembangunan strategi PdP tahfiz yang lebih holistik dan realistik (Mohd Suhardi, 2018; Agustono et al., 2024; Ariff & Ismail, 2025).

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam sistem pendidikan Islam, konsep *Tazkiyah al-Nafs* memainkan peranan penting dalam membina insan yang seimbang dari segi kerohanian, intelek dan emosi. Ia melibatkan proses penyucian jiwa daripada sifat-sifat tercela dan mengisi diri dengan nilai-nilai murni yang mencerminkan akhlak yang terpuji (Zainol et al., 2021; Wulandari et al., 2024). Oleh itu, nilai-nilai *Tazkiyah al-Nafs* seperti keikhlasan, kesabaran, refleksi dan empati harus diintegrasikan secara menyeluruh dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), bukan hanya tertumpu kepada pengajaran mata pelajaran agama semata-mata (Che Zarrina & Azlinah, 2016; Masruri et al., 2022). Dalam konteks pendidikan tahfiz moden seperti Sekolah Berasrama Penuh Tahfiz Model Ulul Albab (SBP TMUA), usaha untuk membangunkan pelajar yang cemerlang bukan sahaja dari segi akademik dan hafalan al-Quran, tetapi juga dari segi pembangunan sahsiah, memerlukan pelaksanaan pendekatan pendidikan yang holistik dan seimbang (Mujahid & Fani, 2025; Muhammad et al., 2024). Integrasi elemen *Tazkiyah al-Nafs* dalam PdP harus menjadi keutamaan bagi melahirkan pelajar yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga mempunyai jiwa yang murni dan akhlak yang tinggi (Salasiah, 2014; Mutholingha & Zain, 2021).

Walaupun bagaimanapun, dalam realiti pelaksanaan di sekolah, usaha untuk mengintegrasikan dimensi *Tazkiyah al-Nafs* ke dalam amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) sering menghadapi pelbagai cabaran yang kompleks. Dalam sesetengah kes, pembangunan sahsiah rohani hanya dilaksanakan secara periferal dan tidak disepadukan secara sistematik ke dalam PdP harian, meskipun dasar sekolah menekankan pendidikan holistik (Syafii, 2025; Ariff & Ismail, 2025). Ini secara langsung mempengaruhi matlamat sebenar pendidikan Islam, iaitu untuk melahirkan individu yang bertaqwa, berhati suci dan seimbang (Zainol et al., 2021; Mutholingha & Zain, 2021). Walaupun wacana ilmiah dan dasar pendidikan semakin menekankan keperluan untuk pembangunan rohani, masih terdapat jurang dalam kajian empirikal yang secara khusus mengkaji cabaran sebenar guru dalam mengintegrasikan nilai *Tazkiyah al-Nafs* dalam PdP, terutamanya dalam konteks SBP Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA).

Kebanyakan kajian terdahulu lebih tertumpu kepada keberkesanan program kerohanian atau pendekatan konseptual terhadap pendidikan sahsiah, tanpa memberi perhatian yang teliti kepada pengalaman guru dalam pelaksanaan praktikal (Agustono et al., 2024; Faruqi et al., 2024). Oleh itu, kajian ini amat diperlukan untuk meneroka secara mendalam pengalaman guru dalam mengintegrasikan nilai-nilai *Tazkiyah al-Nafs* ke dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar tahfiz. Kajian ini bukan sahaja akan memperkayakan wacana pendidikan Islam kontemporari, malah berpotensi menyumbang kepada pembangunan latihan guru profesional, penggubalan kurikulum dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih komprehensif dan mampan ke arah pembentukan pelajar tahfiz yang seimbang dari segi intelek, kerohanian dan akhlak.

3. METODOLOGI KAJIAN

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes di Sekolah Berasrama Penuh Tahfiz Model Ulul Albab (SBP TMUA) untuk memahami secara holistik penerapan elemen *Tazkiyah al-Nafs* oleh guru serta cabaran yang dihadapi dalam konteks pengajaran dan pembelajaran sebenar (Creswell, 2014).

3.2 Populasi dan Persampelan

Populasi kajian terdiri daripada enam orang guru di Sekolah Berasrama Penuh Tahfiz Model Ulul Albab (SBP TMUA), manakala pemilihan informan dilakukan melalui persampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu melibatkan guru yang terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran serta perkembangan sahsiah pelajar. Barisan guru yang dipilih juga mempunyai pengalaman lebih lima tahun dalam bidang pendidikan.

Jadual 1. Maklumat Informan

Kod Informan	Jawatan/Peranan	Tempat Bertugas	Pengalaman
P1	Pengetua	SMAP Bentong, Pahang	20 tahun
P2	Guru Disiplin	SBP Integrasi Selandar, Melaka	5 tahun
P3	Ketua Warden	SMAP Bentong, Pahang	10 tahun
P4	Penyelaras Tingkatan	SMAP Bentong, Pahang	6 tahun
P5	Guru Tahfiz	SBP Integrasi Batu Rakit, Terengganu	8 tahun
P6	Kaunselor	SMAP Bentong, Pahang	12 tahun

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Data kajian dikumpulkan melalui temu bual bersemuka separa berstruktur dengan informan yang terlibat bagi mendapatkan maklumat mendalam mengenai pengalaman dan cabaran penerapan elemen *Tazkiyah al-Nafs* dalam pengajaran dan pembelajaran. Setiap sesi temu bual dirakam dan ditranskripsikan bagi memastikan ketepatan data dan memudahkan proses analisis seterusnya.

3.4 Analisis Data


Data temu bual dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik untuk mengenal pasti tema dan corak utama yang muncul berkaitan cabaran penerapan elemen *Tazkiyah al-Nafs* dalam pengajaran dan pembelajaran. Proses analisis melibatkan pengekodan data secara sistematik berdasarkan persamaan makna dan konteks dapatan kajian. Kod-kod yang mempunyai persamaan digabungkan untuk membentuk tema awal. Tema-tema ini kemudiannya disemak dan dimurnikan melalui penelitian semula data bagi memastikan keselarasan, ketepatan dan kebolehpercayaan dapatan.

4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati terdapat beberapa cabaran utama yang mempengaruhi penerapan elemen *Tazkiyah al-Nafs* oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar tahfiz di SBP TMUA.

4.1 Cabaran Penerapan Elemen Tazkiyah Al-Nafs Dalam PdP

Realiti pelaksanaan *Tazkiyah al-Nafs* dalam konteks PdP mendedahkan pelbagai halangan yang memerlukan perhatian serius, sehingga pendidikan kerohanian bukan sekadar nilai sampingan tetapi teras pembangunan pelajar yang holistik. Antara cabarannya adalah; (a) kekangan masa, (b) tekanan akademik dan hafalan, (c) pemahaman terhad terhadap konsep *Tazkiyah al-Nafs* dan (d) kepelbagaian latar belakang dan sikap pelajar (lihat Rajah 1).



Rajah 1. Rumusan Cabaran Penerapan Elemen Tazkiyah Al-Nafs Dalam PdP

Kekangan Masa

Salah satu cabaran utama yang dikenal pasti ialah kekangan masa dalam melaksanakan elemen tazkiyah al-nafs. Guru-guru Tahfiz SBP TMUA mempunyai jadual pengajaran yang ketat dan perlu menyiapkan sukatan pelajaran dalam tempoh yang terhad. Keadaan ini menyebabkan ruang untuk aktiviti kerohanian tambahan menjadi terhad. Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun guru menyedari kepentingan *Tazkiyah al-Nafs*, mereka sukar untuk memasukkannya ke dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) disebabkan oleh kekangan masa dan beban kerja harian.

"Antara cabaran terbesar ialah masa yang terlalu padat kerana guru perlu menyeimbangkan antara silibus akademik dan pembangunan sahsiah." (P2)

"Saya rasa cabaran utamanya ialah masa yang padat. Guru sering kali terikat dengan silibus dan tugas, jadi sukar untuk memberi tumpuan kepada aktiviti tambahan seperti tazkiyah al-nafs." (P3)

"Cabaran utama ialah jadual guru yang padat. Kadang-kadang, guru terpaksa mengejar silibus dan sukar untuk memberi masa kepada aktiviti tambahan seperti ini." (P4)

"Antara cabaran yang dihadapi ialah jadual pengajaran yang terlalu padat sehingga kurang masa untuk aktiviti kerohanian." (P5)

Dapatan ini selaras dengan kajian Nik Safiah et al. (2015) dan Zulkifli (2011) yang mendapati bahawa jadual pelajar dan guru tahfiz terlalu padat, menyebabkan aktiviti kerohanian dijalankan secara minimum dan semata-mata ritual. Dalam konteks SBP TMUA, penekanan terhadap silibus akademik dan hafalan yang mesti dihabiskan dalam tempoh tertentu telah mengehadkan ruang untuk refleksi, perenungan dan penghayatan kerohanian. Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun *Tazkiyah al-Nafs* diiktiraf sebagai elemen penting dalam pendidikan Islam, pelaksanaannya masih terikat dengan kekangan sistem dan struktur persekolahan (Norazri, 2015).

Tekanan Akademik dan Hafalan Al-Quran

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat tekanan untuk mencapai kecemerlangan akademik dan memenuhi sukatan hafalan Al-Quran, sehingga aspek perkembangan kerohanian cenderung diabaikan. Di sekolah tahfiz berasrama penuh, guru dan pelajar berhadapan dengan budaya mengejar prestasi akademik dan mencapai hafalan al-Quran sebagai keutamaan. Ini mengakibatkan usaha untuk melaksanakan nilai *Tazkiyah al-Nafs* kurang mendapat perhatian. Tumpuan berlebihan terhadap pencapaian akademik dan hafalan tanpa keseimbangan dengan aktiviti kerohanian menjadikan pelaksanaan *Tazkiyah al-Nafs* sebagai cabaran utama di SBP TMUA.

"Budaya terlalu mengejar kecemerlangan akademik hingga mengabaikan pembangunan rohani." (P1)

"Tekanan untuk memastikan kecemerlangan akademik kadang-kadang menyebabkan elemen kerohanian ini diabaikan." (P2)

"Fokus utama saya adalah membantu pelajar memahami dan menghayati Al-Quran, bukan sekadar hafazan tetapi juga dari segi akhlak dan sahsiah.. Budaya mengejar kecemerlangan akademik kadang-kadang menyebabkan pembangunan rohani terabai." (P5)

Dapatan ini menyokong hujah Mohd Suhardi (2018, 2020) yang menegaskan bahawa sistem pendidikan yang terlalu berorientasikan output berisiko meminggirkan proses tazkiyah dalaman dan berterusan. Dalam konteks pelajar tahfiz SBP, budaya mengejar keputusan peperiksaan dan sasaran hafalan tertentu telah mewujudkan tekanan emosi kepada guru dan pelajar, sekali gus menyukarkan penerapan nilai-nilai ikhlas, sabar dan refleksi secara autentik. Ini mengukuhkan pandangan al-Ghazali bahawa penyucian jiwa tidak boleh berlaku dalam suasana yang terlalu memaksa dan tertekan, sebaliknya memerlukan ketenangan dan kesinambungan amalan kerohanian (Ulin Ni'mah, 2018).

Pemahaman Terhadap Konsep Tazkiyah al-Nafs

Selain faktor masa dan tekanan akademik, terdapat cabaran dari segi pengetahuan dan keyakinan guru sendiri dalam mengintegrasikan elemen tazkiyah al-nafs. Seseengah pendidik didapati tidak jelas tentang pendekatan praktikal untuk melaksanakan konsep penyucian jiwa ini di dalam bilik darjah. Ini mungkin kerana latihan profesional atau panduan khusus mengenai tazkiyah al-nafs masih terhad. Kekurangan pemahaman yang mendalam dan keyakinan diri dalam kalangan guru menyukarkan penerapan elemen tazkiyah al-nafs secara berkesan, sekali gus menghalang usaha melahirkan pelajar tahfiz yang seimbang dari segi akademik dan kerohanian.

“Ada juga guru yang mungkin kurang faham atau kurang yakin dengan cara menerapkan elemen-elemen ini.” (P1)

“Ada juga guru yang kurang yakin atau kurang pengetahuan tentang cara menerapkan elemen tazkiyah al-nafs.” (P5)

“Kami guru akademik kurang ilmu mengenai penyucian jiwa.” (P6)

Batasan pemahaman dan keyakinan guru dalam menerapkan elemen *Tazkiyah al-Nafs* menunjukkan bahawa cabaran bukan sahaja terletak pada pelajar, tetapi juga pada tahap kesediaan pendidik itu sendiri. Penemuan ini menyokong kajian Che Zarrina dan Azlinah (2016) dan Mohamad Muhaimin (2017) yang menekankan bahawa guru mesti melalui proses tazkiyah dalam diri mereka terlebih dahulu sebelum dapat menerapkannya secara berkesan kepada pelajar. Kekurangan modul praktikal, latihan khusus dan panduan pedagogi berasaskan tazkiyah menyebabkan sesetengah guru berasa kurang yakin dalam mengintegrasikan elemen ini ke dalam PdP. Keadaan ini menunjukkan keperluan mendesak untuk pembangunan profesional guru yang lebih menumpukan pada dimensi kerohanian dan personaliti, bukan sekadar pedagogi teknikal.

Kepelbagaian Latar Belakang dan Sikap Pelajar

Guru juga menghadapi cabaran yang berpunca daripada pelajar itu sendiri, terutamanya yang melibatkan kepelbagaian latar belakang dan sikap mereka. Perbezaan latar belakang keluarga, tahap pengetahuan agama, dan kemahiran asas pelajar memerlukan guru menyesuaikan kaedah pengajaran mengikut keperluan individu. Memenuhi keperluan yang pelbagai ini memerlukan masa dan tenaga tambahan daripada guru. Di samping itu, sikap dan motivasi pelajar juga memainkan peranan dalam keberkesanan pelaksanaan *Tazkiyah al-Nafs*. Sesetengah pelajar didapati kurang jelas tentang matlamat pembelajaran dan pembangunan peribadi mereka, dan kurang bermotivasi untuk menghayati elemen kerohanian yang disampaikan. Keadaan ini memerlukan guru untuk memberi bimbingan berterusan dan pemantauan rapi. Jelas bahawa kepelbagaian latar belakang dan sikap pelajar menambah cabaran praktikal bagi guru dalam melaksanakan *Tazkiyah al-Nafs*, kerana guru perlu meluangkan lebih banyak usaha untuk mendekati dan memotivasikan setiap pelajar mengikut kebolehan dan kesediaan mereka.

“Selain itu, sikap sesetengah pelajar yang tidak jelas dengan matlamat mereka juga menjadi cabaran, kerana ia memerlukan usaha berterusan untuk membimbing mereka.” (P3)

“Selain itu, latar belakang pelajar yang pelbagai juga memerlukan guru untuk menggunakan pendekatan berbeza, dan ini memakan masa serta tenaga.” (P4)

Dapatan berkaitan kepelbagaian latar belakang dan sikap pelajar menekankan bahawa pelaksanaan *Tazkiyah al-Nafs* tidak boleh seragam. Variasi latar belakang keluarga, tahap penghayatan agama dan motivasi pelajar memerlukan guru menggunakan pendekatan yang lebih individu dan empati. Dapatan ini selaras dengan Fariza et al. (2013) dan Sharifah Noorhidayah (2022) yang menyatakan bahawa pelajar tahfiz juga tidak terkecuali daripada cabaran perkembangan remaja dan pengaruh persekitaran. Oleh itu, pelaksanaan *Tazkiyah al-Nafs* memerlukan pendekatan secara beransur-ansur dan berterusan yang mengambil kira kesediaan rohani pelajar, selaras dengan prinsip tadarruj dalam pendidikan Islam.

4.2 Pemantapan Strategi Pelaksanaan Tazkiyah Al-Nafs

Pelaksanaan elemen *Tazkiyah al-Nafs* dalam pengajaran dan pembelajaran memerlukan sokongan institusi yang strategik dan terancang bagi memastikan keberkesanannya secara keseluruhan. Institusi pendidikan perlu memainkan peranan aktif dengan menyediakan modul khusus yang mengandungi garis panduan praktikal untuk pelaksanaan elemen tazkiyah, termasuk alat bantu mengajar dan pendekatan pedagogi kerohanian yang sesuai dengan konteks bilik darjah dan keperluan pelajar tahfiz. Di samping itu, penstrukturan semula jadual pengajaran dengan memasukkan slot tetap untuk aktiviti kerohanian seperti zikir, tazkirah, muhasabah diri dan halaqah perlu dipertimbangkan. Langkah ini bukan sahaja membina disiplin kerohanian pelajar, tetapi juga memudahkan integrasi nilai-nilai tazkiyah yang konsisten ke dalam amalan pendidikan harian (Mohd Suhardi, 2018; Fariza et al., 2013).

Selain penyediaan modul, peningkatan kecekapan guru melalui latihan profesional berterusan merupakan komponen penting dalam usaha memperkukuh pelaksanaan *Tazkiyah al-Nafs*. Guru perlu didedahkan kepada kursus, bengkel atau seminar yang memfokuskan kepada pemahaman yang mendalam tentang konsep tazkiyah dan strategi pelaksanaannya dalam PdP. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru akademik juga perlu dilatih supaya nilai-nilai kerohanian dapat diintegrasikan merentasi kurikulum, tidak terhad kepada guru Pendidikan Islam sahaja (P5 & P6). Latihan seperti ini dapat meningkatkan keyakinan dan persediaan guru, sekali gus mewujudkan persekitaran pendidikan yang selaras dengan objektif perkembangan pelajar yang seimbang dari aspek intelektual, kerohanian dan moral (Che Zarrina & Azlinah, 2016; Mohamad Muhaimin, 2017).

Di samping itu, pengukuhan strategi pelaksanaan *Tazkiyah al-Nafs* juga perlu disokong melalui mekanisme pemantauan dan penilaian yang sistematik bagi memastikan keberkesanan intervensi yang dilaksanakan. Instrumen penilaian holistik seperti rubrik personaliti, refleksi sendiri pelajar, dan pemerhatian berstruktur oleh guru boleh dibangunkan untuk menilai perkembangan elemen kerohanian secara berterusan. Di samping itu, penggunaan pendekatan kajian tindakan oleh guru di dalam bilik darjah dapat membantu menilai keberkesanan strategi yang digunakan dan membuat penambahbaikan secara berperingkat. Data yang diperoleh daripada proses pemantauan ini bukan sahaja memberikan gambaran keseluruhan tentang tahap penghayatan *Tazkiyah al-Nafs* dalam kalangan pelajar, tetapi juga boleh dijadikan asas untuk menambah baik dasar dan amalan pendidikan di peringkat institusi. Pendekatan berasaskan bukti ini sangat penting bagi memastikan pelaksanaan Tazkiyah al-Nafs kekal relevan, mempunyai impak yang tinggi, dan mampu menyumbang kepada perkembangan keseluruhan personaliti pelajar tahfiz.

Akhir sekali, keberkesanan pelaksanaan *Tazkiyah al-Nafs* juga memerlukan penglibatan aktif pihak pentadbiran sekolah, komuniti pendidikan dan ibu bapa. Sekolah disyorkan untuk mewujudkan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) berdasarkan nilai-nilai tazkiyah sebagai platform untuk refleksi dan perkongsian amalan dalam kalangan guru. Aktiviti seperti usrah guru, halaqah ilmu dan perkongsian amalan terbaik dapat membina sokongan dalaman dan semangat kolektif dalam mengarusperdanakan nilai-nilai kerohanian. Di samping itu, penglibatan berterusan ibu bapa dalam memantau dan menyokong perkembangan kerohanian anak-anak di rumah dapat memperkukuhkan kesinambungan penghayatan tazkiyah di luar bilik darjah. Sinergi antara guru, sekolah dan ibu bapa ini sangat penting dalam membentuk pelajar tahfiz yang holistik, cemerlang bukan sahaja dalam hafalan dan akademik, tetapi juga dalam membina sahsiah dan jiwa kerohanian (Sharifah Noorhidayah, 2022).

Justeru, strategi pelaksanaan tazkiyah al-nafs perlu melibatkan pelbagai pihak secara sinergistik seperti diperincikan dalam Jadual 2;

Jadual 2. Cadangan Strategi Berdasarkan Cabaran dan Pelibatan Pihak Berkepentingan

Cabaran	Cadangan Penyelesaian	Pihak Terlibat
Kekangan masa PdP	Penjadualan slot kerohanian dalam waktu rasmi PdP	Pentadbiran sekolah, guru akademik
Tekanan akademik dan hafalan	Penyesuaian KPI PdP yang seimbang antara akademik, hafazan dan kerohanian	Pentadbir, guru, pelajar
Pemahaman guru yang terhad	Bengkel & latihan amali pelaksanaan tazkiyah, pembangunan modul	JPN, guru, pensyarah pendidikan
Sikap & latar belakang pelajar yang pelbagai	Pendekatan <i>tadarruj</i> (berperingkat-peringkat) dan membimbing sahsiah pelajar	Guru, kaunselor, ibu bapa

5. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan *Tazkiyah al-Nafs* menghadapi cabaran yang kompleks dan saling berkaitan. Antara cabaran utama yang dikenal pasti ialah kekangan masa PdP, tekanan pencapaian akademik dan hafalan Al-Quran, batasan pemahaman dan keyakinan guru terhadap aplikasi praktikal *Tazkiyah al-Nafs*, dan kepelbagaian latar belakang dan sikap pelajar. Cabaran-cabaran ini menunjukkan bahawa pelaksanaan *Tazkiyah al-Nafs* bukan sekadar isu kesedaran individu guru, tetapi juga dipengaruhi oleh faktor sistem pendidikan, budaya sekolah dan struktur pengurusan PdP. Secara keseluruhannya, kajian ini menekankan bahawa pelaksanaan *Tazkiyah al-Nafs* yang berkesan memerlukan pendekatan yang lebih komprehensif dan terancang, merangkumi sokongan pentadbiran, latihan profesional guru dan penyelarasan PdP yang mengimbangi tuntutan akademik dan pembangunan sahsiah. Dapatan kajian ini menyumbang kepada pengayaan literatur pendidikan Islam dengan memberikan gambaran empirikal tentang realiti pelaksanaan *Tazkiyah al-Nafs* dalam konteks SBP TMUA, sekali gus menyokong aspirasi pendidikan Islam untuk melahirkan pelajar tahfiz yang seimbang dari segi intelek, kerohanian dan akhlak.

6. SUMBANGAN PENULIS

Nurul Huda Binti Abdul Rahim: Konseptualisasi, pembangunan kerangka teori (theoretical framing), metodologi, penyiasatan, pengurusan data (data curation), analisis formal, penulisan draf asal, serta pentadbiran projek; Izzah Nur Aida Zur Raffar: Konseptualisasi, metodologi, analisis formal, pengesahan (validation), penilaian kritikal kandungan intelektual (critical review), serta penulisan—semakan dan penyuntingan; Nang Naemah Binti Nik Dahalan: Konseptualisasi, penyeliaan (supervision), pengesahan, penilaian kritikal kandungan intelektual, serta penulisan—semakan dan penyuntingan akhir manuskrip.

7. PENGISYTIHARAN PENGGUNAAN AI GENERATIF DALAM PROSES PENULISAN

Semasa penyediaan manuskrip ini, penulis telah menggunakan ChatGPT sebagai alat bantuan bagi meningkatkan kejelasan bahasa, struktur penulisan dan kualiti penyampaian akademik. Penggunaan

teknologi ini adalah terhad kepada aspek penyuntingan bahasa dan tidak melibatkan penjaan idea asal, analisis data atau interpretasi dapatan kajian. Penulis telah menyemak, menilai dan menyunting semula keseluruhan kandungan manuskrip bagi memastikan ketepatan, keaslian dan pemuatan terhadap piawaian integriti akademik. Penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan akhir manuskrip ini.

8. KETERSEDIAAN DATA/BAHAN SOKONGAN

Set data yang dianalisis dalam kajian ini diperoleh daripada temu bual separa berstruktur yang melibatkan informan terpilih. Memandangkan data mengandungi maklumat sensitif dan tertakluk kepada prinsip kerahsiaan dan etika penyelidikan, ia tidak didedahkan kepada umum. Walau bagaimanapun, data terpilih boleh diperolehi daripada penulis yang berkaitan atas permintaan yang munasabah, tertakluk kepada kelulusan etika dan persetujuan daripada pihak yang berkaitan. Bagi memastikan ketelusan dan kepercayaan dapatan kajian, penyelidik telah menggunakan kriteria kredibiliti, kebolehpercayaan, pengesahan dan pemindahan. Di samping itu, pendekatan triangulasi data dan *debriefing* rakan sebaya telah digunakan untuk meningkatkan kesahan dapatan. Bahan-bahan ini boleh diakses atas permintaan untuk semakan akademik dan pengesahan dapatan kajian.

9. PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini melibatkan subjek manusia dan telah dijalankan dengan mematuhi prinsip *ethical compliance* serta garis panduan etika penyelidikan yang ditetapkan oleh institusi. Semua peserta telah diberikan penerangan yang jelas mengenai tujuan kajian, prosedur yang terlibat serta hak mereka sebagai peserta, termasuk hak untuk menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi. Persetujuan secara sukarela (*informed consent*) telah diperoleh daripada semua informan sebelum proses pengumpulan data dijalankan. Bagi memastikan perlindungan peserta (*participant rights*) dan kerahsiaan maklumat, identiti informan telah dianonimkan melalui penggunaan kod, dan semua data dikendalikan secara sulit. Pengurusan data kajian turut mematuhi prinsip data *protection*, di mana maklumat yang dikumpulkan digunakan hanya untuk tujuan akademik dan penyelidikan, serta disimpan dengan selamat bagi mengelakkan sebarang akses yang tidak dibenarkan. Sepanjang pelaksanaan kajian, penyelidik memastikan semua prosedur dilaksanakan secara beretika bagi menjamin keselamatan, kebajikan dan maruah peserta.

RUJUKAN

- Agustono, I., Ihsan, N., & Musthofa, F. (2024). *The Relevance Of Abu Bakar Atjeh's Concept Of Tazkiyah Al-Nafs In Addressing Mental Health Issues*. Dinika: Academic Journal Of Islamic Studies, 9(2), 133–150.
- Che Zarrina Sa'Ari, & Nor Azlinah Zaini. (2016). *Terapi Spiritual Melalui Kaedah Tazkiyah Al-Nafs*. Afkar: Jurnal Akidah Dan Pemikiran Islam, 18(Special Issue), 35–72.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approaches* (4th Ed.). Sage Publications.
- Fariza Md Sham, S. H., Hamjah, S. H., & Sharifudin, M. J. (2013). *Personaliti Dari Perspektif Al-Ghazali* (Cetakan Ke-4). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Faruqi, A., Fuadi, I., & Haeba, I. (2024). *Tazkiyah Al-Nafs Sebagai Terapi Penyakit Jiwa: Tinjauan Hadis*. Kalimah: Jurnal Tarbiyah Dan Thaqafah Islamiyah, 22(1), 95–120.
- Hussein, H., Johari, K., & Yusof, R. (2024). *The Integration Of Rebt–Tazkiyah Al-Nafs Approach On Emotional Intelligence And Resilience Of Undergraduate Students During The Covid-19 Pandemic*. International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences, 14(6).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Masruri, M., Borham, A. S., Rahim, M. H. A., Chakim, S., & Faiz, M. (2022). *The Approach Of Revelation Of The Qur'An And Al-Sunnah To Dealing With Soul And Mental Disorders After The Covid-19 Outbreak*. International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences, 12(8), 605–617.
- Mohamad Muhaimin, M. Z. (2017). *Analisis Pengaplikasian Amalan Qalbu Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*. Jurnal 'Ulwan, 1, 19–42.
- Mohd Suhardi, M. (2018). *Pembangunan Kecerdasan Spiritual Pelajar Berasaskan Model Tazkiyah Al-Nafs Al-Ghazali* (Tesis Sarjana). Universiti Malaysia Pahang, Malaysia.
- Muhammad, F., Abitolkha, A., & Dodi, L. (2024). *Dimensions Of Sufism Within The Islamic Religious Education Curriculum In Higher Education*. Nazhruna: Jurnal Pendidikan Islam, 7(1), 40–58.
- Mujahid, K., & Fani, F. (2025). *Islamic Worldview: Konsep Jiwa Menurut Imam Al-Ghazali*. Tsaqofah, 5(2), 1435–1442.
- Mutholingah, S., & Zain, B. (2021). *Metode Penyucian Jiwa (Tazkiyah Al-Nafs) Dan Implikasinya Bagi Pendidikan Agama Islam*. Talimuna: Jurnal Studi Islam, 10(1), 69–83.
- Norazri, M. Z. (2015). *Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Ke Arah Pembentukan Sahsiah Pelajar Di Kolej Kemahiran Tinggi Mara*. Jurnal Pendidikan Teknik Dan Vokasional, 1(2), 22–32.
- Nur Sayfudin, N. (2018). *Konsep Tazkiyatun Nafs Perspektif Al-Ghazali Dalam Pendidikan Akhlak* (Tesis Sarjana Muda). Iain Metro, Indonesia.
- Sa'Ari, C. Z., & Zaini, N. A. (2016). *Terapi Spiritual Melalui Kaedah Tazkiyah Al-Nafs Oleh Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili Dalam Kitab Penawar Bagi Hati*. Afkar: Jurnal Akidah Dan Pemikiran Islam, 18(Special Issue), 75–90.
- Salasiah Hanin Hamjah. (2014). *Penyucian Jiwa: Pengaruhnya Kepada Keberkesanan Latihan*. Dalam Prosiding Konvensyen Latihan Islam Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3.



© 2026 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY-NC-ND) license (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).